



Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali (kanan) beramah mesra dengan sebahagian pelajar baharu pada Mqis Ikrar Pelajar Baharu UKM sesi 2015/2016.

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bihi.com.my  
► Kuala Lumpur



Prof Datuk Ir Dr Riza Atiq  
Abdullah OK Rahmat

ketamadunan; bahasa, komunikasi dan literasi; pnaakulan kualitatif dan kuantitatif; kepenimpinan, keusahawanan dan inovasi; sains, teknologi dan kelestarian serta kekehaargaan, kesihatan dan gaya hidup.

#### Jam kredit

"Subjek ini akan diterangkan kepada pelajar sepanjang pengajian mereka, merangkumi 30 hingga 40 jam kredit daripada keseluruhan kursus masing-masing," katanya ketika dihubungi *Versi*, baru-baru ini.

Selain UKM, empat UA lain yang turut terpilih ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## Fakulti Sains Teknologi Maklumat

# UKM perintis sistem iCGPA

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh sebelum ini dilaporkan berkata, iCPGA adalah pendekatan baharu bagi melahirkan pelajar lebih holistik, mempunyai ciri keusahawanan dan seimbang, sekali gus membolehkan majikan melihat potensi sebenar mereka ketika memohon kerja.

Katanya, keputusan daripada sistem iCGPA akan dapat membantu majikan mendapatkan maklumat menyeluruh berkaitan akademik, kokurikulum dan nilai diri penuntut berkenaan sebaik menamatkan pengajian kelak.

"Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang mahu melahirkan graduan bersifat holistik," katanya.

Sambil menyatakan sistem penilaian itu mampu mengukur tahap kebolehan pelajar yang sebenar, Prof Riza Atiq berkata, pelaksanaannya juga bertujuan

memperkasakan kemahiran insaniah golongan itu.

Katanya, UKM turut berharap menerusi sistem iCGPA itu, dapat melahirkan graduan yang mampu menghayati aspirasi kebangsaan, memiliki nilai etika, berilmu, pengetahuan, kompeten, mempunyai budaya inovasi dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan negara serta masyarakat sejagat.

#### Aspirasi kebangsaan

Jika sistem ini diperluas ke fakulti lain selepas ini, kami merancang untuk bahagikan pelajar kepada kumpulan mengikuti jurusan profesional dan bukan profesional, selain perlu mengikuti subjek teras Citra UKM yang merangkumi 30 hingga 40 jam kredit.

"Contohnya, seorang pelajar kejuruteraan perlu menghabiskan 132 jam kredit bagi menamatkan pengajiannya dan daripada jumlah itu, 30 jam adalah subjek teras Citra UKM yang perlu diku-

ti, seiring dengan kursus fakulti, kursus pengkhususan serta kursus elektif.

"Pendekatan pensyarah dalam subjek Citra UKM juga berbeza mengikut keperluan fakulti masing-masing, justeru pensyarah perlu menggunakan kreativiti masing-masing dalam teknik penyampaian subjek terbabit," katanya.

Mengulas lanjut, Prof Riza berkata, jika seseorang pelajar gagal menyerlah dalam subjek teras Citra UKM tertentu, mereka akan dibantu oleh pensyarah subjek terbabit yang bertindak menjadi mentor.

Katanya, penilaian dilakukan secara holistik dan jika pelajar didapati lemah dalam mana-mana satu daripada subjek teras Citra UKM itu, mereka akan dibantu termasuk menyertai sebarang program yang mampu meningkatkan markah masing-masing.

"Pelajar akan didedahkan dengan enam subjek teras Citra UKM iaitu kewarganegaraan dan